

Hak Abdullah pilih timbalan

Oleh OTHMAN MOHAMAD

UM 6 JUL 2002

JITRA 5 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhak untuk memilih timbalan dan membentuk kerajaan serta Kabinetnya sendiri apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

Perdana Menteri berkata, beliau cuma membayangkan kemungkinan Datuk Seri Najib Tun Razak boleh menjadi timbalan Abdullah tetapi perkara itu terpulang kepada Abdullah untuk buat pilihan.

“Saya cuba bayangkan sahaja mungkin Najib boleh menjadi timbalan apabila saya berundur tetapi ini terpulang kepada Abdullah untuk memilih siapa yang hendak menjadi timbalannya.

“Terpulanglah kepada Abdullah hendak membentuk kerajaannya, pilih dia punya Kabinet,” jelas Dr. Mahathir pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemuning, di sini hari ini.

- **Pak Lah: Tidak perlu heboh siapa pengganti TPM — Muka 3**
- **Muhyiddin enggan ulas — Muka 3**

Beliau ditanya apakah kenyataannya kelmarin menyebut Najib mungkin menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila beliau berundur kelak, sebagai langkahnya menamakan bakal Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Semasa menyatakan penghargaan atas kesanggupan penggantinya untuk menunggu sehingga 16 bulan iaitu tempoh peralihan kuasa pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu, Rabu lepas, Dr. Mahathir berkata:

“Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib (seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO) jadi Timbalan Perdana Menteri...”

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, soal Timbalan Presiden parti biasanya ditentukan oleh parti.

“Bagaimanapun sesiapa yang dipilih oleh Abdullah kelak sebagai Timbalan Perdana Menteri, biasanya akan memangku Timbalan Presiden. Itu yang berlaku kepada saya,” jelasnya.

Ketika ditanya apakah kenyataannya itu bermakna beliau memberi pengiktirafan kepada Najib, Dr. Mahathir berkata: “Let’s say, I have no objection (Katakan sahaja saya tiada halangan)”

Hak Abdullah pilih timbalan

UMNO yang lain, Dr. Mahathir berkata: “I’m telling you now.” (Saya beritahu anda sekarang).

Ketika ditanya lagi apakah pada fikirannya respon naib-naib presiden UMNO yang lain ekoran perakuan terbuka itu, Dr. Mahathir menjelaskan, beliau tidak tahu siapa yang akan dipilih sama ada Najib atau yang lain.

“Mereka diberi tanggungjawab dan telah beri jaminan tidak akan ada perebutan. Sama ada ia (perakuan) terbuka atau tertutup mereka tidak akan cuba menjatuhkan antara satu sama lain,” tegasnya.

Dua lagi Naib Presiden ialah Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menjelaskan, dalam sistem UMNO apabila seseorang presiden mengundurkan diri, penggantinya akan memangku jawatan itu.

“Di peringkat kerajaan, apabila seseorang Perdana Menteri undur diri, orang yang menjadi ketua parti terbesar dalam Barisan Nasional akan menjadi Perdana Menteri. Jadi apabila saya berundur, Pak Lah jadi Perdana Menteri.”